

02 SEP 1996

HASSAN HARUN TARIK DIRI BERTANDING ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Encik Hassan Harun hari ini mengumumkan menarik diri daripada bertanding bagi jawatan itu pada pemilihan parti Oktober ini.

Katanya beliau membuat keputusan itu kerana ingin memberikan tumpuan sepenuhnya kepada penerangan bergerak mengenai rancangan pengkorporatan Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) yang dianjurkan dalam tempoh yang sama dengan menjelangnya perhimpunan agung Umno.

"Semasa penerangan itu sudah tentu saya akan berjumpa dengan anggota KUB yang juga mungkin perwakilan Umno dan bagi mengelakkan daripada melanggar peraturan parti...lebih baik tarik diri sekarang," kata pengerusi KUB itu kepada pemberita selepas majlis pelancaran pakaian seragam sekolah jenama "Canggih" keluaran KUB di sini hari ini.

Majlis itu dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Keputusan menarik diri itu juga bagi memastikan rancangan pengkorporatan KUB awal tahun depan tidak terjejas, katanya. Hassan merupakan anggota MT yang dilantik.

Menurut Hassan, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan keputusannya itu setelah dimaklumkan pagi tadi.

Bagaimanapun, beliau masih belum memaklumkan keputusannya itu kepada Setiausaha Agung parti Datuk Mohamed Rahmat dan bercadang akan segera berbuat demikian. -- BERNAMA

RHM RON